

## **BENKEL TRAINING OF TRAINER (TOT) FASILITATOR BAGI MODUL LATIHAN DALAM KUMPULAN (LDK) PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)**

**KUANTAN, 18 OKTOBER 2023** – Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menganjurkan Bengkel *Training of Trainers* (TOT) Fasilitator bagi Modul Latihan Dalam Kumpulan (LDK) Program Transformasi Minda (PTM) bertempat di Chemerkaw Village Camp Resort, Raub Pahang. Bengkel ini berlangsung selama tiga (3) hari bermula 18 Oktober 2023 (Rabu) hingga 20 Oktober 2023 (Jumaat) yang dihadiri oleh 34 orang peserta kursus daripada pelbagai Unit, Bahagian, dan Jabatan seluruh Negeri Pahang. Kursus ini diadakan selaras dengan cadangan penambahan seramai 13 orang fasilitator baharu daripada Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) sebagai tambahan kepada 20 orang fasilitator sedia ada. Bengkel ini merupakan satu platform yang memantapkan keupayaan fasilitator baharu dan sedia ada dalam menghasilkan modul LDK yang mematuhi kehendak pihak pengurusan. Bengkel ini juga memberi penekanan mengenai teknik-teknik membangunkan modul pembelajaran dan pengajaran LDK yang berkualiti dan boleh diguna pakai oleh fasilitator sebagai pemudahcara dalam PTM.

Kursus ini juga diketuai dua (2) orang penceramah iaitu Encik Abdul Hafiz bin Mad Razi daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang atau dikenali sebagai PU Angah dan Encik Mohd Nazri bin Mohd Razali, Pegawai Psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Lipis selaku fasilitator PTM yang berpengalaman lama diperingkat PTM Persekutuan.

Disediakan oleh Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1<sup>st</sup>**

**#KerajaanNegeriPahang**

Oleh: Nur Husnina binti Mohamed

Foto: Faisal bin Mustapha Bakari

**GAMBAR PROGRAM**







